

Kempen Jualan Bonanza Baucar WCT Malls dengan Penggunaan Kad Kredit

16 September 2024 – 31 Disember 2024

Terma dan Syarat

1. Kempen Jualan Bonanza Baucar WCT Malls dengan Penggunaan Kad Kredit ("**Kempen**") yang dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad ("**Bank**") dan WCT Malls akan berlangsung dari 16 September 2024 hingga 31 Disember 2024 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) atau sebarang tempoh lain sebagaimana yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa ("**Tempoh Kempen**"). Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak (sebagaimana yang ditakrifkan di bawah) telah membaca dengan teliti dan memahami sepenuhnya segala Terma dan Syarat yang terkandung di sini serta bersetuju sepenuhnya untuk menerima dan terikat dengan segala Terma dan Syarat tersebut.

PERINCIAN KEMPEN

2. Kempen ini terbuka kepada:
 - i. Semua pemegang Kad Kredit Alliance Bank baharu dan sedia ada ("**Pemegang Kad yang Layak**") yang kad kreditnya adalah sah, dan pembayaran boleh dibuat di titik transaksi semasa Tempoh Kempen, sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank menurut dasar dalaman Bank dan;
 - ii. Ahli WCT Buddy ("**Ahli**" atau "**Pembeli**"). Hanya ahli App WCT Buddy dibenarkan membeli E-Baucar WCT Malls ("**E-Baucar**") yang dijual dalam Tempoh Kempen.
3. Untuk mengelakkan keraguan:
 - i. Penamatan akaun Kad Tambahan oleh Pemegang Kad Tambahan tidak akan membatalkan kelayakan Pemegang Kad Utama untuk menyertai Kempen ini.
4. Individu berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
 - i. Pemegang Kredit Kad yang bukan dikeluarkan oleh Alliance Bank
 - ii. Pemegang mana-mana Kad Kredit Perniagaan;
 - iii. Pemegang Kad yang akaunnya dengan Bank adalah dormant, tidak aktif, ditutup, ditamatkan dan/atau tidak dikendalikan dengan memuaskan;
 - iv. Pemegang kad yang telah meninggal dunia, atau individu yang sedang menghadapi sebarang jenis prosiding undang-undang;
 - v. Individu yang tidak waras, bawah umur atau bankrap;
 - vi. Mana-mana individu yang ditetapkan oleh Bank untuk dikecualikan menurut dasar dalamannya;
 - vii. Mana-mana individu lain yang diputuskan oleh Bank untuk dikecualikan menurut prosedur dalaman Bank.
5. Penyertaan Kempen adalah secara automatik bagi Pemegang Kad yang Layak tertakluk kepada pemenuhan Terma dan Syarat yang terkandung di sini. Pendaftaran SMS atau borang penyertaan tidak diperlukan.

MEKANIK DAN GANJARAN KEMPEN

6. Untuk menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak mesti memuat turun aplikasi mudah alih program kesetiaan WCT Buddy ("**App WCT Buddy**") dan mendaftar sebagai WCT Buddy.
7. Pemegang Kad yang Layak perlu membuat perbelanjaan minimum sebanyak RM200 ("**Transaksi yang Layak**") di Paradigm Mall Petaling Jaya, Paradigm Mall Johor Bahru atau gateway@klia2 dengan menggunakan Kad Kredit Alliance Bank yang sah menerusi gabungan maksimum 3 resit yang dikeluarkan pada hari yang sama.
8. Pemegang Kad yang Layak perlu ke kaunter Perkhidmatan Pelanggan di Paradigm Mall Petaling Jaya, Paradigm Mall Johor Bahru atau gateway@klia2 pada hari yang sama pembelian dibuat untuk membuat pengesahan bagi perbelanjaan tersebut, dengan mengemukakan resit dan Kad Kredit Alliance Bank yang digunakan untuk transaksi tersebut sebagai bukti, memuat naik resit tersebut ke App WCT Buddy untuk melayakkan diri membeli E-Baucar 20% untuk Kempen ini.
9. Pemegang Kad yang Layak boleh mula membelanjakan amaun minimum sebanyak RM200 mulai 14 September 2024. Bagaimanapun, penebusan E-Baucar melalui App WCT Buddy boleh dibuat mulai 16 September 2024.
10. Pemegang Kad yang Layak boleh membuat pembelian E-Baucar WCT Malls dengan jumlah minimum sebanyak RM200 dan maksimum sebanyak RM2,000 dengan POTONGAN 20% bagi setiap pemegang kad dalam setiap bulan kempen, dan jumlah keseluruhan nilai E-Baucar sehingga RM6,000 bagi setiap pemegang kad sepanjang Tempoh Kempen di E-Shop dalam App WCT Buddy ("**E-Shop**") dengan menggunakan Kad Kredit Alliance Bank yang sah.

11. Denominasi E-Baucar boleh didapati pada nilai RM5, RM10, RM50, RM100 dan RM500, dan akan ditentukan oleh WCT Malls menurut budi bicara mutlakunya.
12. Semua E-Baucar boleh didapati sementara stok masih ada mulai 16 September 2024 dan atas dasar siapa dulu dia dapat.
13. Penebusan E-Baucar WCT Buddy dihadkan secara bulanan, berdasarkan jadual di bawah:

Jadual 1: Had Penebusan E-Baucar WCT Buddy

Bulan Kempen	Jumlah Nilai E-Baucar	Jumlah Had Penebusan Setiap Bulan Kempen
16 September 2024 – 15 Oktober 2024	RM 300,000	150
16 Oktober 2024 – 15 November 2024	RM 300,000	150
16 November 2024 – 31 Disember 2024	RM 200,000	100

14. Pemegang Kad yang Layak atau ahli WCT Buddy perlu membuat pembayaran bagi E-Baucar menurut terma yang ditetapkan oleh WCT Malls E-Shop Sdn Bhd atau ahli gabungannya ("**WCT**" atau "**kami**" atau "**kita**") dan mematuhi segala terma dan syarat lain berkenaan dengan Kempen ini sebagaimana yang ditetapkan oleh WCT Malls.
15. Kelayakan Pemegang Kad yang Layak atau Ahli WCT Buddy untuk pembelian E-Baucar serta penerbitan E-Baucar kepada akaun Ahli WCT Buddy akan disahkan dan diproses oleh WCT Buddy dalam masa tiga (3) hari bekerja (Isnin hingga Jumaat antara 9:00 pagi hingga 6:00 petang, tidak termasuk Sabtu, Ahad dan hari kelepasan am) bermula dari tarikh pembelian E-Baucar. Pemberitahuan semerta daripada App WCT Buddy akan dihantar kepada Pemegang Kad yang Layak sebaik sahaja E-Baucar dikreditkan kepada akaun WCT Buddy mereka.
16. Sekiranya Pemegang Kad yang Layak atau Ahli WCT Buddy membuat pembayaran melebihi RM2,000 bagi E-Baucar, WCT Malls akan mengembalikan keseluruhan jumlah pembayaran melalui pemindahan bank kepada Pemegang Kad yang Layak atau Ahli dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja. Pemegang Kad yang Layak dikehendaki membuat pembelian semula E-Baucar melalui App WCT Buddy. Had yang dibenarkan bagi pembelian E-Baucar adalah RM2,000.
17. Sekiranya Pemegang Kad yang Layak atau Ahli WCT Buddy membuat pembayaran bagi E-Baucar tanpa memenuhi terma dan syarat dalam Fasal 7 sebelum pembelian E-Baucar setelah pengesahan menurut Fasal 8 yang di atas, WCT Malls akan memulangkan pembayaran tersebut melalui E-Shop atau pemindahan bank kepada Pemegang Kad yang Layak atau Ahli dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja, ditolak caj pentadbiran sebanyak 2% yang akan dibayar kepada WCT Malls.

Contoh Jualan Bonanza E-Baucar dengan POTONGAN 20%

Senario A: Pelanggan memenuhi kriteria Kelayakan untuk menebus E-Baucar: Ya

Pelanggan A membelanjakan RM500 dalam 2 resit di Paradigm Mall PJ dengan menggunakan Kad Kredit Alliance Bank. Pelanggan A pergi ke Perkhidmatan Pelanggan untuk mengesahkan perbelanjaan tersebut dengan mengemukakan resit dan Kad Kredit Alliance Bank yang digunakan bagi pembelian tersebut. Pelanggan A layak membeli E-Baucar WCT dengan POTONGAN 20% melalui App WCT Buddy. Pelanggan A membuat pembelian E-Baucar bernilai RM2,000 pada harga diskaun RM1,600.

Senario B: Pelanggan berbelanja menggunakan Kad Kredit yang bukan dikeluarkan oleh Alliance Bank

Kelayakan untuk menebus E-Baucar: Tidak

Pelanggan B membelanjakan RM200 dalam 1 resit di Paradigm Mall JB menggunakan Kad Kredit bukan Alliance Bank. Pelanggan B pergi ke Perkhidmatan Pelanggan untuk membuat pengesahan perbelanjaan tersebut

dengan mengemukakan resit dan Kad Kredit bukan Alliance Bank yang digunakan untuk pembelian tersebut. Pelanggan B tidak layak membeli E-Baucar WCT dengan POTONGAN 20% kerana pelanggan tidak memenuhi Fasal 7 berkenaan perbelanjaan dengan Kad Kredit Alliance Bank.

Senario C: Pelanggan tidak memenuhi syarat perbelanjaan minimum RM200

Kelayakan untuk menebus E-Baucar: Tidak

Pelanggan C membelanjakan RM100 di gateway@klia2 menggunakan Kad Kredit Alliance Bank. Pelanggan C pergi ke Perkhidmatan Pelanggan untuk membuat pengesahan bagi perbelanjaan tersebut dengan mengemukakan resit dan Kad Kredit Alliance Bank yang digunakan untuk pembelian tersebut. Pelanggan C tidak layak membeli E-Baucar WCT dengan POTONGAN 20% kerana pelanggan tidak memenuhi syarat perbelanjaan minimum.

Senario D: Nilai E-Baucar yang dibeli melebihi had RM2,000

Kelayakan untuk menebus E-Baucar: Tidak

Pelanggan D membeli E-Baucar bernilai RM3,000 dalam bulan Oktober. Merujuk kepada Fasal 10, jumlah nilai E-Baucar yang boleh dibeli dihadkan pada RM2,000 bagi setiap pemegang kad dalam setiap bulan kempen. Pelanggan D telah melebihi amaun yang dihadkan bagi bulan tersebut dan tidak dibenarkan membeli E-Baucar. Oleh itu, WCT Malls akan memulangkan keseluruhan jumlah bayaran kepada pelanggan. Pelanggan dikehendaki membuat pembelian semula bagi E-Baucar tersebut.

Amaun yang dipulangkan: RM3,000 – 20% (RM600) = RM2,400. Oleh itu, jumlah yang akan dipulangkan kepada Pelanggan D adalah RM2,400.

18. E-Baucar boleh digunakan di cawangan runcit yang mengambil bahagian di Paradigm Mall Petaling Jaya, Paradigm Mall Johor Bahru atau gateway@klia2 ("**Saudagar yang Mengambil Bahagian**") kecuali kedai emas (contoh: Poh Kong, Tomei, Wah Chan, MJ Jewellery dan lain-lain). Senarai Saudagar yang Mengambil Bahagian boleh didapati di laman web pusat beli-belah yang berkenaan:
 - a. Paradigm Mall Petaling Jaya (<https://paradigmmall.com.my/>)
 - b. Paradigm Mall Johor Bahru (<https://paradigmmall.com.my/jb/>)
 - c. gateway@klia2 (<https://gateway@klia2.com.my/>)
19. Semua E-Baucar mempunyai tempoh sah empat (4) bulan dari tarikh ia dikeluarkan. Tempoh sah tersebut tidak akan dilanjutkan melainkan dimaklumkan oleh WCT Malls atau WCT Buddy.
20. Kempen ini tidak boleh digabungkan dengan mana-mana promosi atau kempen lain yang sedang dilaksanakan oleh Bank kecuali dinyatakan sebaliknya.
21. Pembeli tidak dibenarkan membatalkan pembelian E-Baucar, menukar E-Baucar dengan tunai atau item lain atau menukar denominasi E-Baucar setelah bayaran diterima oleh WCT Malls.
22. Bayaran tidak akan dikembalikan setelah E-Baucar terpapar dalam akaun Pemegang Kad yang Layak atau Ahli WCT Buddy, melainkan timbul situasi dalam Fasal 21 di bawah ini.
23. WCT Malls dan WCT Buddy berhak meminda terma dan syarat yang terkandung di sini dan yang berkenaan dengan Kempen ini tanpa memberikan notis terlebih dahulu. Sila kemukakan e-mel kepada wctbuddy@wctmalls.wct.my atau kemukakan pertanyaan melalui talian sokongan WhatsApp WCT Buddy: +6011- 2552 0771 (antara 9:00 pagi hingga 6:00 petang dalam waktu pejabat sahaja) untuk sebarang bantuan atau pertanyaan.

TERMA DAN SYARAT AM

24. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak perlu membaca dan memahami terma yang ditetapkan sebelum bersetuju dengan Terma dan Syarat Kempen. Terma dan Syarat Kempen serta keputusan Bank berkenaan segala hal berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Kad dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan mengenainya tidak akan dilayan.
25. Bank berhak menarik balik/membatalkan, menamatkan, menggantung atau melanjutkan Kempen ini dan untuk

menambah, memotong, menggantung dan/atau mengubah Terma dan Syarat Kempen, secara keseluruhan atau sebahagiannya menurut budi bicaranya dengan memberikan notis terlebih dahulu menerusi hantaran di laman web Bank, paparan di premis cawangan atau iklan atau sebarang kaedah pemberitahuan lain menurut pilihan Bank dan ia akan mengikat Pemegang Kad yang Layak mulai tarikh pemberitahuan tersebut atau tarikh lain yang ditetapkan oleh Bank dalam pemberitahuan tersebut. Pemegang Kad yang Layak dengan ini bersetuju untuk sentiasa mengakses laman web Bank untuk menyemak Terma dan Syarat Kempen.

26. Bank berhak, menurut budi bicaranya berdasarkan dasar dalaman Bank, menukar atau menggantikan Ganjaran Kempen dengan item atau ganjaran lain yang mempunyai nilai yang setara dengan memberikan notis terlebih dahulu melalui laman web Bank.
27. Terma dan Syarat Kempen merupakan tambahan kepada terma dan syarat sedia ada yang mentadbir Produk dan akaun perbankan Pemegang Kad dengan Bank ("Terma Sedia Ada").
28. Terma dan Syarat Kempen serta keputusan Bank berkenaan segala hal berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Kad yang Layak dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan mengenainya tidak akan dilayan.
29. Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang jenis liabiliti sekalipun yang timbul atau dialami oleh Pemegang Kad yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Kempen ini yang diakibatkan oleh tindakan pemegang kad itu sendiri. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab atas Pemegang Kad yang Layak dalam apa cara sekalipun sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan sebarang obligasinya di bawah Kempen ini sama ada secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh sebarang kejadian force majeure yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada bencana alam, peperangan, mogok, rusuhan, pertikaian industri, sekatan masuk kerja, kebakaran, kemarau, banjir, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan Bank.
30. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang bentuk kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, kesilapan elektronik dan/atau sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi oleh Visa International, syarikat saudagar, pihak pos atau telekomunikasi atau mana-mana pihak lain yang boleh menjejaskan kelayakan Pemegang Kad yang Layak dalam Tempoh Kempen.
31. Kad yang Layak dan akaun Pemegang Kad yang Layak mestilah sentiasa (i) sah, mempunyai kedudukan kredit yang baik dan tidak melanggar mana-mana terma dalam Terma dan Syarat Kempen ini atau Terma Sedia Ada; dan (ii) tidak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank, untuk memperoleh Ganjaran Kempen.
32. Bank berhak menyingkirkan penyertaan mana-mana Pemegang Kad yang Layak atau membatalkan E-Baucer sekiranya terdapat transaksi yang berunsur penipuan, dibuat tanpa kebenaran atau dibalikkan atau berlaku pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat Kempen ini menurut dasar dalaman Bank. Semua rekod Bank berkenaan transaksi yang dibuat adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
33. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Kempen ini atau penyingkiran Pemegang Kad yang Layak atau penarikan balik E-Baucar tidak akan memberikan hak kepada Pemegang Kad yang Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank atau bagi sebarang dan segala kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh pembatalan, penamatan, penggantungan, pelanjutan, penyingkiran atau penarikan balik tersebut yang diakibatkan oleh tindakan Pemegang Kad yang Layak itu sendiri.
34. Pemegang Kad yang Layak bertanggungjawab atas segala cukai, kadar, fi kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan kepada mereka menurut undang-undang yang berkenaan, sekiranya ada, berhubung dengan Kempen ini.
35. Pemegang Kad yang Layak dengan ini memberikan persetujuan dan kebenaran sepenuhnya yang tidak boleh ditarik balik kepada pihak bank untuk menggunakan, menerbitkan dan/atau memaparkan nama, sebarang gambar yang diambil, sebarang video yang dirakam dan/atau maklumat lain untuk iklan dan/atau promosi yang terhad untuk Kempen ini sahaja, tanpa sebarang pampasan kepada Pemegang Kad yang Layak.
36. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Pernyataan Prinsip Notis dan dan Pilihan yang terdapat di laman web Bank (<https://www.alliancebank.com.my/Notice-and-Choice-Principle-Statement-Personal-Data-Protection-Act-2010>)

dan dengan ini memberi persetujuan dan kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan maklumat mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Bank bagi tujuan penganjuran Kempen ini.

37. Bank telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirangka untuk mencegah rasuah dan penyelewengan oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau kakitangannya; dan setakat pengetahuan Bank, Bank atau mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan antipenyelewengan yang perlu dipatuhi oleh Bank. Bank tidak pernah, dan berjanji tidak akan, merujuk kepada pengendalian kegiatan perniagaan, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk melaksanakan, atau membuat sebarang tindakan untuk memberikan sebarang bayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau lain-lain pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang pengumpunan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
38. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan mengenai ringkasan dasar antirasuah dan antipenyelewengan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan selanjutnya berjanji/mengaku janji bahawa mereka tidak akan terlibat dengan amalan penyelewengan dalam apa cara sekalipun, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.
39. Untuk Pemegang Kad Visa dengan jenis kad seperti dalam Jadual A di bawah, Visa menawarkan Waranti Lanjutan dan Perlindungan Pembelian e-Dagang untuk memberikan perlindungan tambahan dan ketenangan fikiran kepada pemegang kad semasa membeli-belah secara dalam talian.

Tarikh Program:	1 Oktober 2024 – 30 September 2025	
Kelayakan Pemegang Kad:	Visa Signature & Visa Infinite (Kredit Pengguna sahaja)	
Manfaat:	<u>Perlindungan Pembelian e-Dagang</u>	<u>Waranti Lanjutan</u>
Butiran Tawaran:	<p>Perlindungan Pembelian eCommerce ialah manfaat yang kini tersedia untuk anda sebagai pemegang kad kredit Visa Infinite dan Visa Signature, memberikan anda perlindungan tambahan dan ketenangan fikiran apabila membeli-belah dalam talian. Selagi anda membuat pembelian dalam talian menggunakan kad Visa anda, anda kini dilindungi untuk kemungkinan kerugian sehingga USD \$200 setiap tuntutan setahun masing-masing untuk mana-mana keadaan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Barangan tidak dihantar dan/atau penghantaran tidak lengkap dan caj penghantaran, yang dibeli di internet • Fungsi Barang yang tidak betul akibat kerosakan Barang yang dihantar 	<p>Apabila Waranti Pengeluar tamat, Faedah Waranti Lanjutan menduplikasi syarat Waranti Pengeluar asal sehingga satu (1) tahun penuh untuk Pembelian Dilindungi yang berhenti beroperasi dengan memuaskan dan memerlukan pembaikan semasa Tempoh Polisi. Faedah disediakan untuk membayar pembaikan atau penggantian Pembelian Yang Dilindungi, sehingga jumlah yang dicaj untuk item atau Had Setiap Kejadian, yang mana lebih rendah, tertakluk kepada Had Agregat Tahunan (\$500 USD)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dilindungi Pembelian diberikan sebagai hadiah dilindungi. • Pembelian Dilindungi termasuk pembelian internet. • Pembelian Dilindungi tidak perlu didaftarkan.

40. Untuk maklumat lanjut mengenai Waranti Lanjutan dan Perlindungan Pembelian e-Dagang Visa, sila rujuk www.aig.com/visa/apac

PENCEGAHAN DAN PENGURANGAN PENIPUAN DAN SCAM PERBANKAN

41. Bank mungkin dari semasa ke semasa menyediakan maklumat atau kandungan terkini untuk pengetahuan dan kesedaran Pemegang Kad yang Layak bagi membantu mencegah dan mengurangkan risiko penipuan dan scam. Ini termasuklah tetapi tidak terhad kepada tip keselamatan, pengemaskinian versi perisian/sistem pengendalian/aplikasi, dan ketetapan peraturan oleh badan pentadbiran yang berkenaan.
42. Pemegang Kad yang Layak mesti memastikan bahawa segala instrumen perbankan disimpan dengan baik, contohnya buku cek/kepingan cek, token keselamatan, kad debit, PIN bagi perbankan menerusi telefon, butiran keselamatan log masuk bagi perbankan internet dan mudah alih, dan kod pengesahan transaksi (TAC). Pemegang Kad yang Layak perlu memaklumkan kepada Bank dengan segera sebaik sahaja menyedari kehilangan mana-mana yang tersebut di atas atau berlakunya penggunaan tanpa kebenaran atau pengesahan yang sewajarnya. Pemegang Kad yang Layak tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap kerugian yang disebabkan oleh transaksi tanpa kebenaran yang berlaku selepas Pemegang Kad yang Layak memaklumkan kepada Bank menurut Terma dan Syarat ini bahawa instrumen perbankan Pemegang Kad yang Layak yang dinyatakan di atas telah hilang, disalahgunakan, dicuri, terjejas atau diceroboh.
43. Sekiranya sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad yang Layak dikaitkan dengan kecuaiian yang disengajakan oleh Bank semata-mata, satu-satunya dan keseluruhan liabiliti yang ditanggung oleh Bank (sama ada berkenaan satu atau lebih tuntutan) terhadap Pemegang Kad yang Layak dari segi kontrak atau tort adalah tidak melebihi amaun transaksi yang menimbulkan tuntutan atau ganti rugi langsung yang dialami, mana-mana yang lebih rendah. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas kerugian perniagaan, kerugian keuntungan, pendapatan atau nama baik, kehilangan data, ganti rugi tidak langsung, turutan, khas atau sampingan, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pelepasan pembayaran, award, penalti, prosiding dan kos tanpa mengira kemungkinan bahawa kerugian atau kerosakan tersebut telah diberitahu kepada, atau secara munasabahnyanya telah boleh dijangka oleh Bank.
44. Setelah dimaklumkan oleh Pemegang Kad yang Layak mengenai kejadian tersebut, Bank akan menjalankan siasatan dan Pemegang Kad yang Layak dikehendaki menyediakan maklumat dan kerjasama secukupnya untuk membantu siasatan. Bank dengan ini diberi kuasa untuk mengambil langkah berikut sebaik sahaja kejadian tersebut dikesan (dengan/tanpa persetujuan pelanggan terlebih dahulu) untuk mengelakkan, menghentikan atau mengurangkan kerugian kewangan selanjutnya sementara Bank membuat siasatan:
 - i. menggantung atau membekukan akaun yang terlibat
 - ii. membatalkan atau mengeset semula akses perbankan internet atau mudah alih Pemegang Kad yang Layak; dan/atau
 - iii. membatalkan kesahan instrumen perbankan; dan Pemegang Kad yang Layak akan dimaklumkan setelah perkara di atas dilaksanakan.